

**Pandangan Bekas Penagih Terhadap Program *Cure and Care Rehabilitation*  
(CCRC): Ke Arah Pemantapan Kandungan Modul CCRC di Malaysia**

**Fauziah Ibrahim, Nor Jana Saim, Ezarina Zakaria, Salina Nen & Mohd Norahim  
Mohamed Sani**

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor

E-mail: [ifauziah@ukm.edu.my](mailto:ifauziah@ukm.edu.my); [janasaim@ukm.edu.my](mailto:janasaim@ukm.edu.my); [ezaz@ukm.edu.my](mailto:ezaz@ukm.edu.my);  
[salina@ukm.edu.my](mailto:salina@ukm.edu.my); [mnorahim@ukm.edu.my](mailto:mnorahim@ukm.edu.my)

**Abstrak**

Kandungan modul rawatan dadah yang baik bukan sahaja menyumbang ke arah pemulihan kepada penagih, malah juga membantu negara mengurangkan kadar penagihan semula dalam kalangan penagih dadah di Malaysia. Oleh itu artikel ini disediakan bertujuan untuk mengukur pandangan bekas penagih terhadap tahap keberkesanan program rawatan dadah yang dikendalikan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan yang dikenali sebagai *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 386 bekas penagih dadah yang telah tamat mengikuti program CCRC dan kini sedang menjalani program pengawasan AADK di Semenanjung Malaysia dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Hasil kajian secara keseluruhan mendapati majoriti (57.8 peratus) bekas penagih memberikan pandangan pada tahap yang tinggi ke tahap sederhana (42 peratus) terhadap program CCRC yang telah mereka jalani. Hasil kajian memberi implikasi ke arah strategi pemantapan kandungan modul CCRC agar ia sentiasa relevan dan memenuhi keperluan rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia.

**Kata kunci:** *Cure and Care Rehabilitation Centre*, program pemulihan, dadah, penagih dadah.